



**PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
BIL. 4 TAHUN 2020**

Semua Ketua Jabatan Agensi,  
Negeri Perak Darul Ridzuan.

---

**PERATURAN PEROLEHAN BADAN BERKANUN DAN AGENSI  
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

---

## KANDUNGAN

### **PK 4/2020 Peraturan Perolehan Badan Berkanun dan Agensi Negeri Perak Darul Ridzuan**

<b>1.</b>	<b>Tujuan.....</b>	<b>3</b>
<b>2.</b>	<b>Latarbelakang.....</b>	<b>3</b>
<b>3.</b>	<b>Definisi Sumber Peruntukan.....</b>	<b>4</b>
<b>4.</b>	<b>Perolehan Badan Berkanun/ Agensi Negeri</b>	
<b>4.1</b>	<b>Lembaga Perolehan.....</b>	<b>5</b>
<b>4.2</b>	<b>Jawatankuasa Sebut Harga.....</b>	<b>7</b>
<b>4.3</b>	<b>Keputusan Tidak Sebulat Suara.....</b>	<b>8</b>
<b>4.4</b>	<b>Pihak Berkuasa Melulus.....</b>	<b>9</b>
<b>4.5</b>	<b>Kaedah Perolehan.....</b>	<b>10</b>
<b>4.6</b>	<b>Rundingan Terus dan Tender Terhadap.....</b>	<b>10</b>
<b>4.7</b>	<b>Rujukan Kepada Jabatan Teknik Bagi Pelaksanaan     Projek Fizikal.....</b>	<b>11</b>
<b>4.8</b>	<b>Pemakaian Bon Pelaksanaan.....</b>	<b>12</b>
<b>4.9</b>	<b>Penglibatan Syarikat/ Anak Syarikat Dalam Perolehan     Badan Berkanun/ Agensi Negeri.....</b>	<b>13</b>
<b>5.</b>	<b>Perkara Lain Yang Tidak Dinyatakan di Perenggan 4.....</b>	<b>14</b>
<b>6.</b>	<b>Pengecualian Peraturan Perolehan.....</b>	<b>14</b>
<b>7.</b>	<b><i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> Perolehan Badan     Berkanun.....</b>	<b>15</b>
<b>8.</b>	<b>Kawalan dan Pemantauan Ke Atas Lembaga Pengarah,     Lembaga Perolehan dan /atau Kakitangan Badan Berkanun/     Agensi Negeri.....</b>	<b>15</b>
<b>9.</b>	<b>Penutup.....</b>	<b>16</b>

## **PK 4/2020 PERATURAN PEROLEHAN BADAN BERKANUN DAN AGENSI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

### **1. Tujuan**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan menjelaskan dan menetapkan kaedah perolehan yang berkuat kuasa kepada Badan Berkanun dan Agensi Negeri Perak Darul Ridzuan. Pekeliling ini diolah dari Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 7.5 (Perolehan Badan Berkanun Persekutuan) yang telah berkuat kuasa pada 1 Oktober 2019.

### **2. Latar Belakang**

- 2.1 Badan Berkanun/ Agensi yang menerima peruntukan/ pembiayaan Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri sama ada melalui geran peruntukan atau pinjaman dan sama ada pembiayaan sepenuhnya atau sebahagian daripada kos projek/ perbelanjaan menjalankan pengoperasian, pembangunan projek dan perolehan, dikehendaki mematuhi semua peraturan kewangan yang ditetapkan Kementerian Kewangan (MOF) selaras dengan ketetapan Pekeliling Perbendaharaan (PP) dan Pejabat Kewangan Negeri melalui Pekeliling Kewangan Negeri.
- 2.2 Walaupun Badan Berkanun/ Agensi ditubuhkan di bawah entiti perundangan yang berasingan, peruntukan yang disalurkan merupakan wang awam dan secara tidak langsung Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri mempunyai tanggungjawab bagi memastikan wang tersebut dibelanjakan secara berhemat, terarah, teratur dan bebas daripada ketirisan.

- 2.3 Di peringkat Negeri, Pejabat Kewangan Negeri masih sentiasa dirujuk oleh orang awam, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ke atas kes-kes yang melibatkan pengurusan kewangan Badan Berkanun/ Agensi Negeri, sama ada yang melibatkan sumber Kerajaan atau sumber dalaman masing-masing.
- 2.4 Oleh yang demikian, pekeliling ini menetapkan peraturan perolehan bagi Badan Berkanun/ Agensi Negeri yang menggunakan sama ada sumber Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri atau sumber dalaman, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan proses perolehan sentiasa dilaksanakan berdasarkan ketetapan pekeliling ini.

### **3. Definisi Sumber Peruntukan**

#### **3.1 Dana Kerajaan Persekutuan / Kerajaan Negeri**

- (a) Sumber Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri secara geran, pinjaman atau sebarang peruntukan yang disalurkan Kerajaan Persekutuan / Kerajaan Negeri sama ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya bagi membiayai perbelanjaan operasi mengurus dan pembangunan projek/ perolehan;
- (b) Baki daripada geran, pinjaman atau sebarang peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri;
- (c) Hasil atau faedah/ hibah daripada pelaburan yang menggunakan sumber Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri.

#### **3.2 Dana Dalaman Badan Berkanun / Agensi Negeri**

- (a) Terimaan atau hasil selain daripada dana Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri seperti di perenggan 3.1.

#### 4. Perolehan Badan Berkanun / Agensi Negeri

##### 4.1 Lembaga Perolehan

4.1.1 Dana Kerajaan Persekutuan/ Dana Kerajaan Negeri (Sebahagian/ Sepenuhnya)	4.1.2 Dana Dalaman Sepenuhnya
<p>(a) <b><u>Pemakaian Gelaran Lembaga Perolehan</u></b></p> <p>Boleh menggunakan gelaran Lembaga Perolehan (LP) atau Jawatankuasa Perolehan Tender, mengikut mana yang bersesuaian selaras dengan Akta Tubuh masing-masing.</p> <p>(b) <b><u>Bilangan Penubuhan Lembaga Perolehan/ Jawatankuasa Perolehan Tender</u></b></p> <p>Satu LP sahaja bagi setiap Badan Berkanun/ Agensi Negeri.</p> <p>(c) <b><u>Keanggotaan Lembaga Perolehan</u></b></p> <p>Keanggotaan LP dilantik oleh Lembaga Pengarah masing-masing mengambil kira syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pengerusi dan Pengerusi Ganti LP hendaklah merupakan seorang Pegawai Awam atau Pegawai dalaman dalam kalangan Lembaga Pengarah masing-masing;</li> <li>(ii) Pengerusi dan Pengerusi Ganti LP bukan lantikan politik;</li> <li>(iii) Pengerusi dan Pengerusi Ganti LP bukan merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah agensi berkenaan;</li> </ul>	<p>(a) Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan/ Dana Kerajaan Negeri seperti di perenggan 4.1.1</p> <p>(b) Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang dibuat.</p>

<p>(iv) Bagi Badan Berkanun/ Agensi yang mempunyai wakil MOF/ wakil PKN dalam Lembaga Pengarah, wakil MOF/ wakil PKN tersebut boleh menganggotai LP tersebut;</p> <p>(v) Wakil daripada Jabatan Teknik dalaman/ Jabatan Kerja Raya/ Jabatan Pengairan dan Saliran boleh dilantik sebagai ahli LP sekiranya kepakaran teknikal diperlukan;</p> <p>(vi) Selain itu, LP juga boleh melantik mana-mana pegawai awam/ ahli LP Badan Berkanun atau Agensi Negeri yang boleh memberi sumbangan dalam bidang tertentu sekiranya diperlukan; dan</p> <p>(vii) Korum mesyuarat adalah 3 orang iaitu Pengerusi dan 2 ahli LP yang dilantik.</p> <p>(d) <b><u>Pewartaan Lembaga Perolehan</u></b></p> <p>(i) Penyediaan draf LP adalah berdasarkan punca kuasa Akta Tubuh masing-masing;</p> <p>(ii) Pewartaan LP berdasarkan jawatan;</p> <p>(iii) Semakan draf pewartaan hendaklah melalui Penasihat Undang-Undang Negeri bagi tujuan semakan ke atas syarat-syarat pelantikan;</p> <p>(iv) Cetakan warta LP diuruskan oleh Badan Berkanun/ Agensi masing-masing; dan</p>	
---	--

(e)	<p>(v) Sesalinan warta LP dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun (Peruntukan Persekutuan) dan Pejabat Kewangan Negeri (Peruntukan Negeri).</p> <p>Keputusan LP hendaklah sebulat suara dan adalah muktamad.</p>	
-----	--	--

## 4.2 Jawatankuasa Sebut Harga

4.2.1 Dana Kerajaan Persekutuan/ Dana Kerajaan Negeri (Sebahagian/ Sepenuhnya)	4.2.2 Dana Dalam Sepenuhnya
<p>(a) <b><u>Pemakaian Gelaran Lembaga Perolehan</u></b></p> <p>Boleh menggunakan gelaran Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) atau apa-apa gelaran yang bersesuaian.</p> <p>(b) <b><u>Keanggotaan JKSH</u></b></p> <p>Keanggotaan JKSH dilantik oleh Lembaga Pengarah masing-masing dengan mengambil kira syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pengerusi dan Pengerusi Ganti JKSH hendaklah merupakan pegawai di Badan Berkanun/ Agensi.</li> <li>(ii) Pengerusi dan Pengerusi Ganti JKSH bukan merupakan Pengerusi LP atau Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Berkanun/ Agensi berkenaan;</li> <li>(iii) Ahli JKSH boleh dilantik dalam kalangan pegawai Badan Berkanun/ Agensi;</li> </ul>	<p>(a) Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan/ Dana Kerajaan Negeri seperti di perenggan 4.2.1</p> <p>(b) Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang dibuat.</p>

<p>(iv) Wakil daripada Jabatan Teknik dalaman/ Jabatan Kerja Raya/ Jabatan Pengairan dan Saliran boleh dilantik sebagai ahli JKSH sekiranya kepakaran teknikal diperlukan;</p> <p>(v) Korum mesyuarat adalah 3 orang iaitu Pengerusi dan 2 ahli JKSH yang dilantik.</p> <p>(c) Keputusan LP hendaklah sebulat suara dan adalah muktamad.</p>	
--	--

### 4.3 Keputusan Tidak Sebulat Suara

<b>4.3.1 Dana Kerajaan Persekutuan/ Dana Kerajaan Negeri (Sebahagian/ Sepenuhnya)</b>	<b>4.3.2 Dana Dalaman Sepenuhnya</b>
<p>(a) <b><u>Lembaga Perolehan</u></b> Diperakukan oleh LP melalui Lembaga Pengarah Badan Berkanun/ Agensi kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF (Peruntukan Persekutuan) atau Pejabat Kewangan Negeri (Peruntukan Negeri).</p> <p>(b) <b><u>Jawatankuasa Sebut Harga</u></b> Diperakukan oleh JKSH kepada LP masing-masing untuk keputusan muktamad.</p>	<p>(a) <b><u>Lembaga Perolehan</u></b> Diperakukan oleh LP kepada Lembaga Pengarah masing-masing untuk keputusan muktamad.</p> <p>(b) <b><u>Jawatankuasa Sebut Harga</u></b> Diperakukan oleh JKSH kepada LP masing-masing untuk keputusan muktamad.</p> <p>(c) Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang dibuat.</p>



#### 4.4 Pihak Berkuasa Melulus

4.4.1 Dana Kerajaan Persekutuan/ Dana Kerajaan Negeri (Sebahagian/ Sepenuhnya)	4.4.2 Dana Dalam Sepenuhnya
<p>(a) <b><u>Sehingga RM20 ribu</u></b> Ketua Pegawai Eksekutif (KPE)/ Ketua Pengarah (KP)/ pegawai yang diturun kuasa.</p>	<p>(a) <b><u>Sehingga RM20 ribu</u></b> Ketua Pegawai Eksekutif (KPE)/ Ketua Pengarah (KP)/ pegawai yang diturun kuasa.</p>
<p>(b) <b><u>Melebihi RM20 ribu sehingga RM500 ribu</u></b> JKSH Badan Berkanun/ Agensi.</p>	<p>(b) <b><u>Melebihi RM20 ribu sehingga RM500 ribu</u></b> JKSH Badan Berkanun/ Agensi.</p>
<p>(c) <b><u>Melebihi RM500 ribu hingga RM100 juta</u></b> Lembaga Perolehan Badan Berkanun/ Agensi Negeri.</p>	<p>(c) <b><u>Melebihi RM500 ribu hingga RM100 juta</u></b> Lembaga Perolehan Badan Berkanun/ Agensi Negeri.</p>
<p>(d) <b><u>Melebihi RM100 juta</u></b> <b>Peruntukan Persekutuan:</b> MOF (melalui perakuan Lembaga Pengarah).  <b>Peruntukan Negeri:</b> Lembaga Tender Negeri (melalui perakuan Lembaga Pengarah).</p>	<p>(d) <b><u>Melebihi RM100 juta</u></b> Lembaga Pengarah Badan Berkanun/ Agensi Negeri (melalui perakuan LP masing-masing)</p>
	<p>(e) Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang dibuat.</p>

#### 4.5 Kaedah Perolehan

4.5.1 Dana Kerajaan Persekutuan/ Dana Kerajaan Negeri (Sebahagian/ Sepenuhnya)	4.5.2 Dana Dalamannya Sepenuhnya
<p>(a) <b><u>Perolehan Bekalan, Perkhidmatan &amp; Kerja</u></b> Mematuhi semua Pekeliling Perbendaharaan dan Pekeliling Kewangan Negeri yang berkaitan.</p> <p>(b) <b><u>Perolehan Perunding</u></b> Mematuhi semua Pekeliling Perbendaharaan dan Pekeliling Kewangan Negeri yang berkaitan.</p> <p>(c) <b><u>Kontrak Pusat dan Kontrak Panel</u></b> Mematuhi semua Pekeliling Perbendaharaan dan Pekeliling Kewangan Negeri yang berkaitan.</p>	<p>(a) Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri seperti di perenggan 4.5.1.</p> <p>(b) Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang dibuat.</p>

#### 4.6 Rundingan Terus dan Tender Terhad

4.6.1 Dana Kerajaan Persekutuan/ Dana Kerajaan Negeri (Sebahagian/ Sepenuhnya)	4.6.2 Dana Dalamannya Sepenuhnya
<p>(a) Tatacara Rundingan Terus hendaklah mematuhi PK 7.15.</p> <p>(b) Kaedah Tender Terhad <b><u>TIDAK DIBENARKAN.</u></b></p>	<p>(a) Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri seperti di perenggan 4.6.1.</p> <p>(b) Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang dibuat.</p>

#### 4.7 Rujukan Kepada Jabatan Teknik Bagi Pelaksanaan Projek Fizikal

4.7.1 Dana Kerajaan Persekutuan/ Dana Kerajaan Negeri (Sebahagian/ Sepenuhnya)	4.7.2 Dana Dalam Sepenuhnya
<p>(a) <b><u>Definisi Jabatan Teknik</u></b>                      Badan Berkanun/ Agensi perlu mempunyai <i>full-fledged technical team</i> (Arkitek, Jurutera Awam &amp; Struktur, Jurutera Mekanikal, Jurutera Elektrik dan Juruukur Bahan) yang mencukupi, bersesuaian dengan bilangan projek fizikal yang akan dilaksanakan serta tidak memerlukan perkhidmatan pihak ketiga dalam menguruskan projek tersebut.</p> <p>(b) <b><u>Badan Berkanun/ Agensi yang mempunyai Jabatan Teknik sendiri</u></b>                      Badan Berkanun/ Agensi dibenarkan merujuk kepada Jabatan Teknik masing-masing tanpa melalui JKR/ JPS. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah masing-masing digalakkan untuk mendapat pandangan kedua daripada JKR/ JPS bagi mana-mana projek yang berada di luar kepakaran/ kemampuan Jabatan Teknik masing-masing terutamanya bagi projek yang kompleks atau bernilai tinggi.</p> <p>(c) <b><u>Badan Berkanun/ Agensi yang tidak mempunyai Jabatan Teknik sendiri</u></b>                      Badan Berkanun/ Agensi yang tidak mempunyai Jabatan Teknik sendiri hendaklah merujuk kepada JKR/ JPS terlebih dahulu tanpa sebarang had nilai.</p>	<p>(a) Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri seperti di perenggan 4.7.1.</p> <p>(b) Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang dibuat.</p>

## 4.8 Pemakaian Bon Pelaksanaan

4.8.1 Dana Kerajaan Persekutuan/ Dana Kerajaan Negeri (Sebahagian/ Sepenuhnya)	4.8.2 Dana Dalaman Sepenuhnya
<p>(a) <b><u>Pematuhan</u></b> Pengenaaan bon pelaksanaan dalam perolehan hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia.</p> <p>(b) <b><u>Pengecualian</u></b> Bagi perolehan dari satu sumber dan Badan Berkanun/ Agensi tiada pilihan syarikat sebagai alternatif lain, sekiranya syarikat tidak bersetuju dengan syarat penetapan bon pelaksanaan, pengecualian boleh dipertimbangkan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Melulus seperti di perenggan 4.8.1 (c).</p> <p>(c) <b><u>Pihak Berkuasa Melulus untuk pengecualian Bon Pelaksanaan</u></b></p> <p>(i) <b><u>Sehingga RM500 ribu</u></b> JKSH Badan Berkanun/ Agensi</p> <p>(ii) <b><u>Melebihi RM500 ribu hingga RM100 juta</u></b> LP Badan Berkanun/ Agensi</p> <p>(iii) <b><u>Melebihi RM100 juta</u></b> <b>Peruntukan Persekutuan:</b> MOF (melalui perakuan Lembaga Pengarah)</p> <p><b>Peruntukan Negeri:</b> Pejabat Kewangan Negeri (melalui perakuan Lembaga Pengarah)</p>	<p>(a) <b><u>Pematuhan</u></b> Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri seperti di perenggan 4.8.1.</p> <p>(b) <b><u>Pengecualian</u></b> Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri seperti di perenggan 4.8.2.</p> <p>(c) <b><u>Pihak Berkuasa Melulus untuk pengecualian Bon Pelaksanaan</u></b></p> <p>(i) <b><u>Sehingga RM500 ribu</u></b> JKSH Badan Berkanun / Agensi</p> <p>(ii) <b><u>Melebihi RM500 ribu hingga RM100 juta</u></b> LP Badan Berkanun / Agensi</p> <p>(iii) <b><u>Melebihi RM100 juta</u></b> Lembaga Pengarah (melalui perakuan LP masing-masing).</p>

<p>(d) <b><u>Sekiranya Pihak Berkuasa melulus memberi pengecualian Bon Pelaksanaan, alternatif kenaan Bon Pelaksanaan adalah seperti berikut:</u></b></p> <p>(i) Tahanan bayaran minimum 10% daripada nilai kontrak;</p> <p>atau</p> <p>(ii) Tahan keseluruhan bayaran akhir sehingga obligasi selesai.</p>	<p>(d) <b><u>Sekiranya Pihak Berkuasa melulus memberi pengecualian Bon Pelaksanaan, alternatif kenaan Bon Pelaksanaan adalah seperti berikut:</u></b></p> <p>Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri seperti di perenggan 4.8.1 (d).</p> <p>(e) Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang dibuat.</p>
---	---

#### 4.9 Penglibatan Syarikat Atau Anak Syarikat Dalam Perolehan Badan Berkanun/ Agensi Negeri

<b>4.9.1 Dana Kerajaan Persekutuan/ Dana Kerajaan Negeri (Sebahagian/ Sepenuhnya)</b>	<b>4.9.2 Dana Dalam Sepenuhnya</b>
<p>(a) Penglibatan syarikat/ anak syarikat di dalam perolehan badan induknya adalah dibenarkan tertakluk kepada tatacara perolehan semasa yang berkuat kuasa dan dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melulus yang ditetapkan.</p> <p>(b) Sekiranya Pengerusi/ Ahli Lembaga Pengarah Syarikat/ anak syarikat Badan Berkanun atau agensi Negeri tersebut adalah merupakan pihak-pihak yang akan mempertimbangkan dan meluluskan perolehan tersebut, mereka yang terlibat perlu mengisytiharkan</p>	<p>(a) Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri seperti di perenggan 4.9.1.</p> <p>(b) <b><u>Pengecualian</u></b> Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri seperti di perenggan 4.8.2.</p>

<p>kepentingannya dan tidak berada di dalam jawatankuasa/ lembaga yang akan memutuskan perolehan tersebut bagi mengelakkan percanggahan kepentingan (<i>conflict of interest</i>).</p>	
--	--

## 5. Perkara Lain Yang Tidak Dinyatakan Di Perenggan 4

Bagi peraturan lain yang tidak dinyatakan secara khusus di Perenggan 4 di atas, Badan Berkanun/ Agensi hendaklah mematuhi peraturan perolehan yang berkuat kuasa seperti ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan Pejabat Kewangan Negeri.

## 6. Pengecualian Peraturan Perolehan

### 6.1 Dana Kerajaan Persekutuan

Dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF melalui perakuan Lembaga Pengarah.

### 6.2 Dana Kerajaan Negeri

Dikemukakan ke Pejabat Kewangan Negeri melalui perakuan Lembaga Pengarah.

### 6.3 Dana dalaman Badan Berkanun/ Agensi

6.3.1 Sebarang pengecualian ke atas peraturan perolehan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Pengarah terlebih dahulu melalui perakuan LP.

6.3.2 Dalam mempertimbangkan sebarang pengecualian, Lembaga Pengarah Badan Berkanun/ Agensi hendaklah memutuskannya berdasarkan kepada tadbir urus yang baik, prinsip-prinsip perolehan dan disertakan langkah kawalan dan pemantauan. Kelulusan boleh dibuat secara *case by case* atau secara *blanket approval*. Namun, bagi mana-mana

kelulusan pengecualian secara *blanket approval* hendaklah disertakan dengan kawalan dan pemantauan dalaman bagi memastikan tiada penyalahgunaan kuasa. Lembaga Pengarah Badan Berkanun/ Agensi adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang pengecualian yang diberikan.

## **7. Standard Operating Procedure (SOP) Perolehan Badan Berkanun/ Agensi**

- 7.1 Satu SOP Perolehan merangkumi ketetapan seperti di perenggan 1 hingga 6 dalam pekeling ini yang melibatkan Dana Kerajaan Persekutuan/ Dana Kerajaan Negeri dan Dana Dalaman hendaklah disediakan dan dibentangkan kepada LP masing-masing untuk mendapatkan perakuan seterusnya dimuktamadkan oleh Lembaga Pengarah masing-masing.
- 7.3 Bagi Agensi Negeri yang menerima peruntukan keseluruhan daripada Kerajaan Negeri. Sesalinan SOP Perolehan yang telah dimuktamadkan oleh Lembaga Pengarah masing-masing hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri.

## **8. Kawalan dan Pemantauan Ke Atas Lembaga Pengarah, Lembaga Perolehan dan/ atau Kakitangan Badan Berkanun/ Agensi Negeri**

- 8.1 Selaras dengan tanggungjawab fidusiari Lembaga Pengarah ke atas Badan Berkanun/ Agensi masing-masing, pengurusan kewangan di organisasi hendaklah dilaksanakan dengan cekap, amanah dan telus. Sebarang penyelewengan dana oleh Lembaga Pengarah dan/ atau kakitangan yang melibatkan kesalahan pecah amanah atau rasuah, pendakwaan ke atas mereka boleh dikenakan mengikut Seksyen 405, Kanun Keseksaan (Akta 574) atau Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).



- 8.2 Badan Berkanun/ Agensi hendaklah menyediakan SOP khas untuk kawalan dalaman meliputi kes kecuaihan, pecah amanah, ketidakpatuhan ke atas peraturan perolehan dan sebagainya termasuk jenis-jenis tindakan seperti mengenakan surcaj ke atas pihak yang terlibat merangkumi Lembaga Pengarah, LP, apa-apa jawatankuasa yang ditubuhkan, pegawai dan kakitangan masing-masing.
- 8.3 Unit Audit Dalam Badan Berkanun/ Agensi hendaklah melaksanakan audit pematuhan ke atas pelaksanaan perolehan di organisasi masing-masing secara berkala dan melaporkan hasil auditan kepada Lembaga Pengarah untuk tindakan selanjutnya.
- 8.4 Kerajaan Negeri melalui organisasi tertentu boleh melaksanakan auditan dan audit pematuhan di Badan Berkanun/ Agensi Negeri seterusnya mengambil tindakan bersesuaian.
- 8.5 Mana-mana pegawai dan kakitangan Badan Berkanun/ Agensi yang didapati cuai dalam mematuhi perolehan ini, boleh dikenakan tindakan iaitu membayar balik kerugian yang terlibat kepada organisasi masing-masing.

## 9. Penutup

- 9.5 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **13 Januari 2020**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**( DATO' ZULAZLAN BIN ABU HASSAN )**

Pegawai Kewangan Negeri  
Perak Darul Ridzuan.

Tarikh : **13** Januari 2020.



**Salinan kepada:**

1. YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.
2. Bendahari Negeri Perak  
Pejabat Kewangan Negeri Perak.
3. Pegawai Teknologi Maklumat  
Pejabat Kewangan Negeri Perak.

Pekeliling ini boleh di muat turun melalui  
<http://kewangan.perak.gov.my>

